

Memperkasa Gaya Hidup Lestari

Empowering Green Lifestyle

LAPORAN TAHUNAN 2023 | ANNUAL REPORT 2023



EMPOWERING GREEN LIFESTYLE

PERMODALAN DARUL TA'ZIM

Reka bentuk muka hadapan Laporan Tahunan Permodalan Darul Ta'zim Sdn. Bhd. (PDT) tahun 2023 mempunyai signifikan tersendiri dengan menampilkan slogan **Memperkasa Gaya Hidup Lestari**. Slogan ini diperkenalkan selaras dengan mandat kerajaan negeri kepada PDT untuk menerajui inisiatif pembangunan hijau di negeri Johor.

Paparan imej muka hadapan dengan pilihan elemen pokok kehijauan menggambarkan kelestarian alam serta aktiviti syarikat yang jelas dan serius dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif pembangunan hijau bersama rakan strategik sepanjang tahun 2023.

Menerusi laporan ini juga PDT dilihat sedang berusaha keras mempersiapkan diri bagi memastikan matlamat ke arah pembangunan hijau di Johor dapat direalisasikan dengan jayanya, dalam masa yang sama kekal mengoptimumkan perancangan terhadap empat teras perniagaan utama PDT dalam menyumbang kepada pembangunan dan ekonomi negeri yang turut membawa kelebihan serta manfaat kepada masyarakat.

*The cover design of The 2023 Annual Report of Permodalan Darul Ta'zim Sdn. Bhd.'s (PDT) carries its own significance, featuring the slogan **Empowering Green Lifestyle**. This slogan was introduced in line with the state government's mandate for PDT to spearhead green development initiatives in Johor.*

The cover image, with its selection of green tree elements, symbolises environmental sustainability and reflects the company's clear and serious commitment to executing green development initiatives alongside strategic partners throughout 2023.

Through this report, PDT is evidently making diligent efforts to position itself to ensure the successful realisation of green development goals in Johor, while also maintaining a focus on optimising its strategies across the company's four main business pillars. These efforts contribute to the state's development and economy while also offering advantages and benefits to the wider community.

01	PENGENALAN <i>Introduction</i>	1
02	ISI KANDUNGAN <i>Table of Contents</i>	2 - 4
03	SEKILAS PANDANG <i>At a Glance</i>	
	Prestasi Kewangan 2023 <i>2023 Financial Performance</i>	6
	Pecahan Pendapatan Kumpulan PDT 2023 <i>2023 PDT Group Income Breakdown</i>	7
	Pecahan Pendapatan PDT 2023 <i>2023 PDT Income Breakdown</i>	8
	Kedudukan Aset & Liabiliti Kumpulan PDT 2019 - 2023 <i>PDT Group Asset & Liability Position 2019 - 2023</i>	9
	Penilaian Prestasi 2023 <i>2023 Performance Review</i>	10
	Ulasan Penilai Pencapaian Prestasi <i>Assessor's Review on Performance Achievement</i>	11
	Ulasan Penilai Cadangan Penambahbaikan <i>Assessor's Review on Recommendation for Improvement</i>	12
	Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Tahun 2023 <i>2023 Key Performance Indicator (KPI) Achievements</i>	13 - 14
	Peristiwa Penting 2023 <i>2023 Highlights</i>	15 - 24
04	STRUKTUR KORPORAT <i>Corporate Structure</i>	
	Perutusan Pengerusi <i>Chairman's Message</i>	26 - 28
	Penyata Korporat Ketua Eksekutif <i>Chief Executive's Corporate Statement</i>	29 - 41
	Barisan Lembaga Pengarah PDT 2023 <i>2023 PDT Board of Directors</i>	42 - 46
	Profil Pengurusan Kanan <i>Senior Management Profile</i>	47 - 55
	Profil Korporat & Perniagaan <i>Corporate & Business Profile</i>	56 - 57

05

ANALISIS TAHUN 2023

2023 Performance Analysis

Analisis Prestasi Keuangan _____ 59 - 61
Financial Performance Analysis

Kenyataan Laporan Juruaudit Bebas _____ 62 - 63
Independent Auditor's Report Statement

Penyata Pendapatan Tahun 2023 _____ 64
2023 Income Statement

Penyata Keuangan Tahun 2023 _____ 65 - 66
2023 Financial Statement

Aliran Tunai Tahun 2023 _____ 67 - 69
2023 Cash Flow

06

ANALISIS KEBERHASILAN UTAMA

Key Achievement Analysis

Teras Perniagaan 1 :
Core Business 1 :

Sektor Air, Air Kumbahan, Tenaga & Persekitaran _____ 71 - 110
Water, Wastewater, Energy & Environment Sector

Teras Perniagaan 2 :
Core Business 2 :

Sektor Minyak & Gas _____ 111 - 114
Oil & Gas Sector

Teras Perniagaan 3 :
Core Business 3 :

Sektor Infrastruktur & Hartanah _____ 115 - 119
Infrastructure & Property Sector

Teras Perniagaan 4 :
Core Business 4 :

Sektor Perniagaan & Pelaburan Strategik _____ 120 - 121
Business & Strategic Investment Sector

07

PEMBANGUNAN & PENGURUSAN HARTANAH

Property Development & Management

Analisis Pembangunan & Pengurusan Hartanah _____ 123 - 124
Property Development & Management Analysis

Prestasi Hasil Tahun 2023 _____ 125 - 126
2023 Revenue Performance

08

TADBIR URUS KORPORAT & GOVERNANS

Corporate Governance & Management

Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Audit & Integriti _____ **128**
Audit & Integrity Committee Members

Pencapaian Utama Tahun 2023 _____ **129**
2023 Key Achievements

Inisiatif Utama IGD PDT _____ **130**
PDT IGD Key Initiatives

Inisiatif Penambahbaikan Gerak Kerja 2023 _____ **131**
2023 Performance Enhancement Initiatives

Pelaksanaan Fungsi Audit Dalam Tahun 2023 _____ **132**
The Implementation of Internal Audit in 2023

09

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Human Capital Development

Analisis Pembangunan Modal Insan _____ **134 - 143**
Human Capital Development Analysis

Inisiatif Kelestarian Dalam Pengurusan Operasi PDT _____ **144 - 149**
Sustainability Initiatives in PDT Operations Management

Program Tanggungjawab Sosial Korporat PDT _____ **150 - 158**
PDT Corporate Social Responsibility (CSR) Programs

10

DIREKTORI

Directory

159 - 162

11

SIDANG EDITORIAL

Editorial Board

163

SEKILAS PANDANG

2023
LAPORAN
TAHUNAN
ANNUAL
REPORT

**SEKILAS
PANDANG**
At a Glance




PRESTASI KEWANGAN 2023

2023 Financial Performance


PENYATA PENDAPATAN KUMPULAN PDT 2023

2023 PDT Group Income Statement




PENYATA PENDAPATAN PDT 2023

2023 PDT Income Statement



PECAHAN PENDAPATAN KUMPULAN PDT 2023

2023 PDT Group Income Breakdown



Ringgit Malaysia (RM)
Malaysian Ringgit (MYR)

■ 2023 ■ 2022


PECAHAN PENDAPATAN PDT 2023

2023 PDT Income Breakdown




KEDUDUKAN ASET & LIABILITI KUMPULAN PDT 2019-2023

PDT Group Asset & Liability Position 2019 - 2023



KEDUDUKAN ASET & LIABILITI PDT 2019-2023

PDT Asset & Liability Position 2019 - 2023



SKOP PENILAIAN

Scope of Assessment



KATEGORI
Categories



INISIATIF
Initiatives



**PELAN
TINDAKAN**
Action Plans

100% **PURATA SASARAN
(KESELURUHAN)**
Target Average
(Overall)

95.9% **PURATA PENCAPAIAN
(KESELURUHAN)**
Average Performance
(Overall)

GRAF PURATA PENCAPAIAN PRESTASI PDT

PDT Average Performance Achievement Graph



Berdasarkan tiga kategori utama dan 24 inisiatif yang telah dirancang bagi tahun 2023, PDT telah mencapai purata pencapaian sebanyak 95.9% (Cemerlang)

Based on the three main categories and 24 initiatives planned for 2023, PDT has achieved an average performance rate of 95.9% (Excellent).



ULASAN PENILAI PENCAPAIAN PRESTASI

ASSESSOR'S REVIEW ON PERFORMANCE ACHIEVEMENT

PENCAPAIAN PRESTASI

Performance Achievement

Secara keseluruhannya, PDT telah berjaya mencapai prestasi yang **CEMERLANG (95.9%)** disebabkan oleh:

Overall, PDT has achieved an **outstanding performance (95.9%)** due to:

Projek Berimpak Tinggi

High Impact Projects

01



Berdasarkan dua inisiatif menerusi projek Eco Botanic III dan CSTP & WRP, PDT telah mencapai purata pencapaian sebanyak 100%. Langkah proaktif dalam menjalankan sesi libat urus bersama pihak berkepentingan dan agensi kerajaan berkaitan telah melancarkan pelaksanaan kesemua lapan pelan tindakan yang dirangka bagi tahun 2023.

Based on two initiatives, the Eco Botanic III and CSTP & WRP projects, PDT has achieved an average achievement rate of 100%. Proactive measures in conducting engagement sessions with stakeholders and relevant government agencies have facilitated the implementation of all eight action plans outlined for the year 2023.

Inisiatif Strategik

Strategic Initiatives

02



Berdasarkan 15 inisiatif pengoperasian yang disasarkan, PDT telah mencapai purata pencapaian sebanyak 90.3%. Tadbir urus pengoperasian yang teratur telah melancarkan pelaksanaan 48 pelan tindakan yang dirangka bagi tahun 2023 selaras dengan empat fokus utama perniagaan strategik PDT.

Based on 15 targeted operational initiatives, PDT has achieved an average achievement rate of 90.3%. Systematic operational management has facilitated the implementation of 48 action plans outlined for the year 2023, aligning with PDT's four main strategic business focuses.

Kewangan

Financial

03



Berdasarkan tujuh inisiatif kewangan yang disasarkan, PDT telah mencapai purata pencapaian sebanyak 97.4% sebagaimana berikut :

Based on seven targeted financial initiatives, PDT has achieved an average achievement rate of 97.4% as follows:

Pendapatan berjaya diperolehi 144% melebihi bajet;
Successful revenue attainment exceeded the budget by 144%;

Aliran tunai direkodkan 124% melebihi bajet;
Cash flow recorded exceeded the budget by 124%;

Prestasi nisbah penggearing dan kecairan masing-masing sebanyak 12.5% dan 7.46% dapat dikekalkan dengan baik sepanjang tahun;
Gearing and liquidity ratio performance maintained well at 12.5% and 7.46% respectively throughout the year;

Keuntungan selepas cukai adalah 54 kali ganda melebihi bajet; dan
Profit after tax exceeded the budget by 54 times; and

Penjimatan kos perolehan yang berjaya dibuat adalah 40%.
Successful cost savings in acquisitions amounted to 40%.



ULASAN PENILAI CADANGAN PENAMBAHBAIKKAN

ASSESSOR'S REVIEW ON
RECOMMENDATION FOR IMPROVEMENT




**Kawalan Perbelanjaan dan
Penjimatan Wajar
Diteruskan Dalam Memastikan
Kewangan PDT Kukuh**

*Expenditure Control
and Proper Savings Should Be
Continued to Ensure PDT's
Financial Stability*



**Seegera Memuktamadkan
Usahasama Projek-Projek
Baru PDT yang Dapat
Memberikan Pendapatan
Secara Berterusan;**

*Promptly Finalise PDT's
New Joint Venture Projects
That Could Provide
Sustained Revenue*



**Penambahan Tenaga Kerja
yang Berpotensi untuk
Memberi Nilai Tambah
kepada PDT**

*Increase Potential
Manpower That Could
Provide Added Value
to PDT*



**Meneroka Peluang-Peluang
Baru Melalui Kerajaan
Negeri Johor Selaras Dengan
Empat Fokus Perniagaan
Strategik Utama PDT.**

*Exploring New Opportunities
Through The Johor State
Government, in Accordance with
The Four Primary Strategic
Business Focuses of PDT.*



PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) TAHUN 2023

2023 KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI) ACHIEVEMENTS

FOKUS & INISIATIF 2023

2023 Focus & Initiative



FOKUS
Focuses



INISIATIF
Initiatives

10%

Projek Berimpak Tinggi
High Impact Projects



10%

Pentadbiran & Operasi
Administration & Operation



25%

Kewangan
Financial



PECAHAN PERATUSAN ENAM FOKUS UTAMA

Percentage Breakdown of Six Main Focuses

30%

Inisiatif Strategik
Strategic Initiatives



10%


Program Tanggungjawab Sosial Korporat
Corporate Social Responsibility Programmes



15%

Mandat Kerajaan
Government Mandate







PERISTIWA PENTING 2023

2023 HIGHLIGHTS



PERSIDANGAN ASIA-PACIFIC CLIMATE WEEK (APCW) 2023

ASIA-PACIFIC CLIMATE WEEK (APCW) 2023



PDT telah mengambil bahagian dalam APCW 2023 yang diadakan pada 13 - 17 November 2023, iaitu sebuah persidangan antarabangsa di bawah inisiatif Rangka Kerja Perubahan Iklim Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC). APCW 2023 melibatkan penyertaan dari negara-negara rantau Asia Pasifik dan ia merupakan satu daripada empat minggu iklim serantau menjelang Conference of the Parties 28 (COP28) di Emiriah Arab Bersatu (UAE). Persidangan berprestij ini menjadi platform kepada para pemimpin, golongan profesional dan pakar, ahli akademik serta pemegang taruh dari pelbagai sektor dan industri untuk berkongsi pandangan dan tindakan dalam usaha menangani krisis perubahan iklim di peringkat global.

PDT has participated in APCW 2023, an international conference under the United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCCC), which took place from 13-17th November 2023. The APCW 2023 involved participation from countries across the Asia-Pacific region and served as one of four regional climate weeks leading up to the Conference of the Parties 28 (COP28) in the United Arab Emirates (UAE). This prestigious conference provided a platform for leaders, professionals, experts, academics, and stakeholders from various sectors and industries to share insights and actions in addressing the global climate crisis.





**PELANCARAN JOHOR
SUSTAINABILITY CENTRE
DAN JOHOR GREEN DEAL**
*THE LAUNCHING OF JOHOR
SUSTAINABILITY CENTRE
AND JOHOR GREEN DEAL*



**JOHOR
GREEN DEAL**

Menerusi mandat yang diberikan kerajaan negeri Johor kepada PDT dalam menerajui inisiatif pembangunan hijau di Johor, PDT telah menzahirkan komitmen sepenuhnya dalam penyertaan APCW 2023. Usaha tersebut dilaksanakan menerusi pelancaran Pusat Kelestarian Johor (Johor Sustainability Centre) selaku anak syarikat PDT dan Kerangka Pelan Induk Pembangunan Hijau Negeri (Johor Green Deal). Penubuhan Johor Sustainability Centre bertujuan untuk menjadi pemudah cara bagi kerajaan negeri untuk memperkasakan pelan pembangunan hijau, manakala Johor Green Deal menjadi sumber rujukan dan dasar utama dalam melaksanakan agenda pembangunan hijau di Johor.

Through the mandate given by the Johor state government to PDT in spearheading green development initiatives in Johor, PDT has demonstrated full commitment by participating in APCW 2023. This effort is realised through the establishment of the Johor Sustainability Centre as a subsidiary of PDT and the Johor Green Deal framework. The establishment of the Johor Sustainability Centre aims to streamline the state government's efforts to strengthen green development plans, while the Johor Green Deal serves as the primary reference and policy framework for executing green development agendas in Johor.



KERJASAMA STRATEGIK DALAM PEMBANGUNAN HIJAU

STRATEGIC COLLABORATION IN GREEN DEVELOPMENT



APCW 2023 menyaksikan PDT selaku anak syarikat kerajaan negeri Johor menjalinkan kerjasama strategik bersama institusi perkhidmatan kewangan antarabangsa dan pemain-pemain industri dalam usaha menggerakkan pembangunan hijau di Johor secara holistik.

APCW 2023 witnessed PDT, a subsidiary of the Johor state government, forming strategic collaborations with international financial service institutions and industry players to drive holistic green development in Johor.

- ▶ World Bank Group
- ▶ Malaysian Forest Fund & Jabatan Perhutanan Negeri Johor
- ▶ TNB Renewables Sdn. Bhd.
- ▶ UMW Industrial Power Sdn. Bhd.
- ▶ Ni Hsin EV Tech Sdn. Bhd.



**PENYERTAAN DALAM
CONFERENCE OF THE
PARTIES (COP28)**
*PARTICIPATION IN
CONFERENCE OF
THE PARTIES (COP28)*



**COP28
UAE**



PDT telah menyertai Persidangan Parti-Parti Ke-28 (COP28) Rangka Kerja Perubahan Iklim Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC) yang berlangsung pada 30 November hingga 12 Disember 2023 di Expo City Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE). COP28 membuka peluang kepada PDT untuk memperluaskan penglibatan di peringkat antarabangsa selaku anak syarikat kerajaan negeri Johor yang diberi mandat bagi menerajui pembangunan inisiatif hijau di Johor dan meningkatkan jaringan kerjasama bersama prospek rakan niaga secara global.

PDT has participated in the 28th Conference of the Parties (COP28) of the United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCCC), held from 30th November to 12th December 2023 at Expo City Dubai, United Arab Emirates. COP28 presents PDT with the opportunity to expand its international engagement as a subsidiary of the Johor state government, which is mandated to lead the development of green initiatives in Johor and enhance cooperation networks with potential business partners on a global scale.





PROJEK PEMASANGAN SOLAR BERBUMBUNG

SOLAR INSTALLATION PROJECT



► Majlis Daerah Tangkak (MDT)

PDT-USEM telah melakar sejarah apabila bangunan pertama di bawah program Supply Agreement Renewable Energy (SARE) di Dewan Muafakat, Bukit Gambir telah mula mengaktifkan penjaan panel solar sejak 4 Julai 2023. MDT telah menerima manfaat penggunaan solar sebagai alternatif penjimatan tenaga elektrik di samping menyokong inisiatif kerajaan Johor dalam industri tenaga boleh diperbaharui.

PDT-USEM made history when the first building under the Supply Agreement Renewable Energy (SARE) programme at Dewan Muafakat, Bukit Gambir, began generating solar power on 4th July 2023. MDT has benefited from the use of solar energy as an alternative for electricity savings, in addition to supporting the Johor State Government's initiative in the renewable energy industry.

► Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP)

Projek pemasangan panel solar di bumbung dua bangunan milik MPBP iaitu Dewan Jubli Intan dan Stor MPBP telah selesai dan penjaan bagi penggunaan tenaga boleh diperbaharui telah bermula sejak Julai 2023. MPBP dijangka akan menerima manfaat penjimatan elektrik sebanyak RM1.53 Juta sepanjang 25 tahun tempoh hayat panel solar.

The solar panel installation project on the roofs of two buildings owned by MPBP, Dewan Jubli Intan and MPBP Storage has been completed and renewable energy generation has commenced since July 2023. MPBP is expected to benefit from electricity savings amounting to RM1.53 million over the 25-year lifespan of the solar panels.



MENEROKA POTENSI SEKTOR PERUMAHAN DAN KOMERSIL

EXPLORING POTENTIAL RESIDENTIAL AND COMMERCIAL SECTOR

ECOWORLD
CREATING TOMORROW & BEYOND

PDT bersama Iskandar Investment Berhad (IIB) dan EcoWorld Development Group Berhad meneroka potensi kerjasama berkaitan pembangunan melibatkan sektor perumahan dan komersil di kawasan Iskandar Puteri yang memberi fokus kepada golongan M40.

PDT, together with Iskandar Investment Berhad (IIB) and EcoWorld Development Group Berhad, explored collaboration opportunities related to residential and commercial development in the Iskandar Puteri area, focusing on the M40 group.





PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT PDT

PDT CORPORATE SOCIAL
RESPONSIBILITY (CSR) PROGRAMMES



PDT telah membelanjakan lebih RM1.5 juta pada 2023 untuk melaksanakan program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang memberi tumpuan kepada pendidikan dan pembangunan modal insan:

PDT has spent over RM1.5 million in 2023 to implement Corporate Social Responsibility (CSR) programmes focusing on education and human capital development:

- ▶ Tabung Pendidikan Sarjana PDT (TPSPDT)
- ▶ Tabung Pendidikan Kakitangan Kerajaan
Kumpulan Pelaksana PDT (TPKKKPD)
- ▶ Kursus Jangka Pendek Pegawai Tadbir Negeri Johor
- ▶ Kursus Jangka Pendek Guru KAFA
- ▶ Tabung Pemerkasaan Wanita
- ▶ Tabung Bencana Negeri Johor
- ▶ Sumbangan Khas kepada Jabatan Kerajaan, Agensi
dan Badan Bukan Kerajaan (NGO)
*Special Contributions to the Government Department,
Agencies and Non-Governmental Organisations (NGO)*



PELANTIKAN KETUA EKSEKUTIF PDT SEBAGAI PROFESOR ADJUNG

*THE APPOINTMENT OF PDT'S CHIEF
EXECUTIVE AS ADJUNCT PROFESSOR*



Ketua Eksekutif (Kumpulan) PDT, YB Dato' Ramlee A Rahman dilantik sebagai Profesor Adjung Fakulti Pengurusan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada 1 April 2023. Ini merupakan satu pengiktirafan terhadap pengalaman luas dan kepakaran beliau selama 31 tahun dalam pentadbiran awam dan pengurusan korporat yang dapat dimanfaatkan bagi meningkatkan kecemerlangan dan prestasi universiti.

Chief Executive (Group) PDT, YB Dato' Ramlee A Rahman was appointed as Adjunct Professor of the Faculty of Management, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) on 1st April 2023. This appointment recognises his extensive experience and expertise gained over 31 years in public administration and corporate management, which can contribute significantly to enhancing the excellence and performance of the university.



PDT TOWN HALL- RUANG PENETAPAN HALA TUJU 2023

*PDT TOWNHALL - SETTING
THE DIRECTION FOR 2023*




PDT Town Hall 2023 menjadi platform perbincangan hala tuju syarikat bagi tahun 2023. Lebih 40 kakitangan termasuk pengurusan kanan PDT telah menyertai program ini yang merangkumi Majlis Amanat Ketua Eksekutif (Kumpulan) PDT, penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan pembentangan Bajet 2023. Turut diadakan 'Enrich Talents Program' yang bertujuan memperkasa kemampuan warga kerja PDT dalam menghadapi pelbagai cabaran dan situasi.

The PDT Town Hall 2023 served as the company's strategic discussion platform for the year. Over 40 employees, including senior management of PDT, participated in this program, which featured the delivery of the PDT Chief Executive's (Group) Mandate, the setting of Key Performance Indicators (KPI) and the presentation of the 2023 Budget. Additionally, the 'Enrich Talents Program' was conducted to empower PDT employees' capabilities in addressing various challenges and situations.



PENSIJILAN AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI 5S

CERTIFICATION OF QUALITY
ENVIRONMENTAL 5S PRACTICES



ADAPTABILITY
TOWARDS
BETTERMENT

PDT telah berjaya memperoleh Pensijilan Cemerlang bagi Audit Pensijilan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S pada 18 Disember 2023. Pengauditan pensijilan ini dilaksanakan oleh Malaysia Productivity Corporation (MPC).

PDT has successfully obtained the Excellent Certification for the Audit of Quality Environmental 5S Practices on 18th December 2023. This certification audit was conducted by the Malaysia Productivity Corporation (MPC).



STRUKTUR KORPORAT

Perutusan Pengerusi <i>Chairman's Message</i>	26 - 28
Penyata Korporat Ketua Eksekutif <i>Chief Executive's Corporate Statement</i>	29 - 41
Barisan Lembaga Pengarah PDT 2023 <i>2023 PDT Board of Directors</i>	42 - 46
Profil Pengurusan Kanan <i>Senior Management Profile</i>	47 - 55
Profil Korporat & Perniagaan <i>Corporate & Business Profile</i>	56 - 57



Johor komited menjadi
sebahagian daripada
pemangkin kepada
perubahan globalisasi
yang positif dalam
memastikan agenda
kelestarian mampu
direalisasikan

Johor is committed to being a catalyst for positive globalisation changes, ensuring that sustainability agendas can be realised

YAB DATO' ONN HAFIZ BIN GHAZI

Pengerusi,
Chairman,

Pemodalan Darul Ta'zim Sdn. Bhd.





▲ **Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor**
Johor State Executive Council



▲ **YAB Menteri Besar Johor, Dato' Onn Hafiz di Program Gotong-Royong Pantai Lido**
YAB Menteri Besar Johor, Dato' Onn Hafiz at Pantai Lido Gotong-Royong Program



▲ **Mesyuarat Lembaga Pengarah Permodalan Darul Ta'zim (PDT) Kali Ke-32**
The 32nd Board of Directors Meeting of Permodalan Darul Ta'zim

Johor komited menjadi sebahagian daripada pemangkin kepada perubahan globalisasi yang positif dalam memastikan agenda kelestarian mampu direalisasikan. Langkah ini seiring dalam menyokong usaha di peringkat global dalam menangani isu perubahan iklim.

Saya yakin Johor akan memainkan peranannya bagi memantau dan memastikan segala kerangka pembangunan hijau dapat dilaksanakan secara holistik bagi mencapai visi persekitaran yang rendah karbon, mesra alam dan mampan.

Johor is committed to being a catalyst for positive globalisation changes, ensuring that sustainability agendas can be realized. This initiative aligns with global efforts to address climate change issues.

I believe Johor will play its role in monitoring and ensuring that all green development frameworks can be holistically implemented to achieve a vision of a low-carbon, environmentally friendly and sustainable environment.

Pada tahun 2023, Johor buat julung kalinya telah menyertai dan menjadi tuan rumah bagi Persidangan Asia Pacific Climate Week (APCW) 2023, sekaligus menunjukkan keseriusan kerajaan negeri dalam memastikan matlamat pembangunan lestari dapat dilaksanakan sewajarnya.

Menerusi persidangan tersebut, Johor telah melancarkan kerangka kerja inisiatif hijau Johor Green Deal serta Johor Sustainability Centre (JSC) yang akan menjadi rujukan dasar utama untuk agenda pembangunan hijau negeri ini.

Kewujudan Johor Green Deal dan JSC ini amat penting bagi memastikan Johor dan Malaysia bersedia mendepani cabaran alam sekitar dengan menggalakkan pertumbuhan ekonomi serta memupuk inovasi hijau dan lestari.

Namun begitu, usaha ini perlu digerakkan bersama pelbagai pihak dan saya percaya kepakaran dan kerjasama erat PDT selaku anak syarikat kerajaan negeri bersama rakan strategiknya dapat membantu merealisasikan matlamat ini.

Semoga segala usaha bagi memajukan negeri dan negara ini dapat direalisasikan dengan jayanya. Insya-Allah.

In 2023, Johor for the first time participated in and hosted the Asia Pacific Climate Week (APCW) 2023, demonstrating the state government's seriousness in ensuring sustainable development goals are properly executed.

Through this conference, Johor launched the Johor Green Deal initiative framework and Johor Sustainability Centre (JSC), which will serve as the primary policy reference for the state's green development agenda.

The establishment of the Johor Green Deal and JSC is crucial to ensuring that Johor and Malaysia are prepared to face environmental challenges by promoting economic growth and fostering green and sustainable innovation.

However, these endeavours need to be mobilised collaboratively by various parties, and I believe the expertise and close cooperation of PDT as a state government subsidiary, with its strategic partners can help in the realisation of this goal.

May all efforts to advance the state and the country be successfully realised, Insya-Allah.



▲ **DYMM Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah berkenan berangkat menghadiri APCW 2023**

HRH the Queen of Johor, Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah at APCW 2023



▲ **Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) di APCW 2023**

Memorandum of Understanding (MoU) Exchange Ceremony at APCW 2023



▲ **Majlis Perasmian Asia-Pacific Climate Week (APCW) 2023**

Asia-Pacific Climate Week (APCW) 2023 Opening Ceremony



**PDT telah berusaha untuk
menyelaraskan operasi dengan
keperluan pihak berkepentingan.
Usaha ini selari dengan misi PDT iaitu
'Melaksana Aspirasi Kerajaan
Negeri dengan Memaksimumkan
Pulangan Pelaburan dan
Penyampaian Perkhidmatan'**

PDT has endeavoured to align its operations with the needs of stakeholders. These efforts are in line with PDT's mission to 'Implement the State Government Plan and Ensure Maximum Return on Investments and Delivery of Services'

YB DATO' RAMLEE BIN A RAHMAN
Ketua Eksekutif (Kumpulan),
Chief Executive (Group),
Pemodalan Darul Ta'zim Sdn. Bhd.



MELAKSANAKAN ASPIRASI, MEMAKSIMUMKAN PULANGAN

FULFILLING ASPIRATIONS, MAXIMISING RETURNS

Permodalan Darul Ta'zim Sdn. Bhd. (PDT) tekad berdiri teguh dengan komitmennya mendukung mandat kerajaan negeri dalam usaha memacu ekonomi negeri Johor. PDT mengemudi tahun 2023 dengan kesungguhan dan ketahanan dalam situasi pemulihan ekonomi global pasca pandemik, yang turut memberi kesan kepada ekonomi negeri Johor.

Walaupun menghadapi keadaan ekonomi 2023 yang mencabar, PDT terus mencipta prestasi yang membanggakan menerusi pelbagai inisiatif strategik. PDT telah berusaha untuk menyelaraskan operasi dengan keperluan pihak berkepentingan. Usaha ini selari dengan misi PDT iaitu 'Melaksana Aspirasi Kerajaan Negeri dengan Memaksimumkan Pulangan Pelaburan dan Penyampaian Perkhidmatan'.

Permodalan Darul Ta'zim Sdn. Bhd. (PDT) remains steadfast in its commitment to supporting the state government's mandate in driving Johor's economic growth. PDT embarked on the year 2023 with determination and resilience amidst the global economic recovery post-pandemic, which has also impacted the economy of Johor.

Despite the challenging economic conditions of 2023, PDT continues to achieve commendable performance through various strategic initiatives. PDT has endeavoured to align its operations with stakeholders need. These efforts are in line with PDT's mission to 'Implement the State Government Plan and Ensure Maximum Return on Investments and Delivery of Services'.



▲ **Mesyuarat Lembaga Pengarah PDT Kali Ke-32**
32nd PDT Board of Director Meeting



▲ **Majlis Amanat Ketua Eksekutif PDT 2023**
PDT's Chief Executive Mandate Ceremony

132%

**KADAR
KENAIKKAN
KEUNTUNGAN
TAHUN 2023
BERBANDING
2022**

*Revenue of PDT in 2023
Compared to 2022*

53%

**PENINGKATAN
KEUNTUNGAN
SELEPAS
CUKAI**

Increment in After Tax Profit

54^x

LEBIH TINGGI

Higher

**KEUNTUNGAN
SELEPAS
CUKAI**

Profit After Tax

Pencapaian Utama 2023

Key Achievements of 2023

Jumlah pendapatan PDT pada tahun 2023 meningkat sebanyak 132% iaitu berjumlah RM51,308,677 berbanding RM22,097,925 pada 2022. Manakala hasil keuntungan selepas cukai PDT meningkat sebanyak 53% iaitu RM29,174,739 berbanding tahun 2022 (RM19,047,542). PDT merekodkan keuntungan selepas cukai 54 kali ganda berbanding yang disasarkan (RM527,084) pada 2023.

Peningkatan utama pendapatan bagi tahun 2023 adalah daripada pendapatan usahasama dan pendapatan dividen. Walaupun PDT merekodkan penurunan pada jumlah ekuiti dan aset disebabkan pelupusan tanah, namun PDT kekal berupaya menyelesaikan sebahagian besar liabiliti semasa syarikat dan meningkatkan margin keuntungan.

Kejayaan ini telah menjadikan nisbah penggearing PDT kekal positif dan bertambah baik serta memberikan gambaran kedudukan syarikat yang cukup baik bagi membiayai liabiliti (tanggungan) syarikat.

The revenue of PDT in 2023 saw an increased by 132%, amounting to RM51,308,677 compared to RM22,097,925 in 2022. Meanwhile, PDT's profit after tax rose by 53%, reaching RM29,174,739 compared to RM19,047,542 in 2022. PDT recorded a profit after tax 54 times higher than its 2023 target of RM527,084.

The significant growth in revenue for 2023 was primarily driven by joint venture income and dividend revenue. Despite a decline in equity and assets due to land disposals, PDT remained capable of settling most of its current liabilities while enhancing its profit margins.

As a result of this success, PDT's gearing ratio has remained positive and even improved which indicates that company is well-positioned to finance its liabilities.

Bagi memastikan perancangan dan strategi perniagaan dapat direalisasikan dengan jayanya, PDT telah menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dengan menggariskan inisiatif dan pelan tindakan yang perlu dicapai pada tahun tersebut. Pada tahun 2023, KPI PDT kekal merekodkan pencapaian cemerlang dengan jumlah peratusan 96%, melibatkan enam fokus dan 41 inisiatif.

Sementara itu, Penilaian Pencapaian Prestasi (PR) PDT pada 2023 turut merekodkan pencapaian cemerlang dengan peratusan 95.9% berdasarkan penilaian terhadap tiga kategori utama dan 24 inisiatif. PR PDT diperkenalkan pada 2022 bertujuan mengukur prestasi syarikat agar gerak kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan PDT menepati spesifikasi yang telah ditetapkan sepanjang tahun.

To ensure the successful realisation of business planning and strategies, PDT established Key Performance Indicators (KPIs) outlining initiatives and action plans to be achieved for the year. In 2023, PDT's Key Performance Indicators (KPI) continued to record outstanding achievement with a total success rate of 96%, encompassing six focus areas and 41 initiatives.

Furthermore, PDT's Performance Review (PR) for 2023 also recorded excellent performance with 95.9%, based on evaluations across three main categories and 24 initiatives. The PR was introduced in 2022 to assess the company's performance and ensure that PDT staff activities aligned with the specified standards throughout the year.

96%
**PENCAPAIAN
KPI PDT
2023**

PDT 2023 KPI Achievement

6
FOKUS
Focuses

41
INISIATIF
Initiatives

2023
**LAPORAN
TAHUNAN**
*ANNUAL
REPORT*

**STRUKTUR
KORPORAT**
Corporate Structure



- ▲ **Barisan Pengurusan Bersama Kakitangan PDT Bergambar di Pavillion APCW 2023**
PDT Management Team Together with the Staff Took a Photo at the APCW 2023 Pavillion



- ▲ **YB Dato' Ramlee Bersama Moderator dan Ahli Panel di satu sesi Forum APCW 2023 anjuran PDT**
YB Dato' Ramlee with the Moderator and Panelists at the APCW 2023 Forum Session organised by PDT

Menerajui Inisiatif Pembangunan Hijau

Leading Green Development Initiatives



Pada 2023, PDT telah diberi mandat oleh kerajaan negeri Johor untuk menerajui inisiatif pembangunan hijau. Ini menunjukkan kepercayaan berterusan kerajaan negeri terhadap kemampuan PDT dalam merealisasikan aspirasi kerajaan negeri demi memacu pembangunan negeri Johor, sekaligus memberi manfaat kepada masyarakat.

Kami telah melancarkan Johor Sustainability Centre (JSC) iaitu anak syarikat PDT dan Kerangka Pelan Induk Pembangunan Hijau Negeri Johor (*Johor Green Deal*) semasa persidangan antarabangsa Asia-Pacific Climate Week 2023 yang julung kalinya diadakan di Malaysia.

In 2023, PDT was mandated by the Johor state government to lead green development initiatives. This reflects the state government's continued trust in PDT's ability to realise its aspirations for driving Johor's development, ultimately benefiting the community.

We launched the Johor Sustainability Centre (JSC), a PDT subsidiary, along with the Johor Green Deal framework during the Asia-Pacific Climate Week 2023, which was held in Malaysia for the first time.


**WORLD
BANK
GROUP**

**TNB
RENEWABLES**

UMW

Semasa persidangan tersebut, kami juga telah menunjukkan komitmen bagi menggerakkan pembangunan hijau di Johor menerusi perjanjian kerjasama di antara PDT dan rakan strategik, antaranya:

- Surat Perjanjian Kerjasama (LoC) Pelaksanaan Projek Kelestarian di Negeri Johor di antara PDT dan World Bank Group;
- Memorandum Persefahaman (MoU) Pelaksanaan Projek Kredit Karbon Berasaskan Alam Sekitar dan Teknologi di Johor di antara PDT, Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan Malaysia Forest Fund;
- Memorandum Persefahaman (MoU) Pelaksanaan Projek Tenaga Boleh Diperbaharui - Ladang Solar di antara PDT dan TNB Renewables Sdn. Bhd. (TNBRe); dan
- Perjanjian Kerjasama (CA) Penyedia Teknologi Hijau Di Johor di antara PDT dan UMW Industrial Power Sdn. Bhd.

Kami turut memperkenalkan slogan ‘Empowering Green Lifestyle’ sebagai usaha serius PDT dalam menyokong dan mendukung mandat kerajaan negeri bagi menerajui pembangunan hijau di selatan tanah air.

During the conference, we also demonstrated our commitment to advancing green development in Johor through several strategic partnership agreements, including:


- *Letter of Collaboration (LoC) between PDT and the World Bank Group for the Implementation of Sustainability Projects in Johor;*
- *Memorandum of Understanding (MoU) between PDT, the Johor State Forestry Department and the Malaysia Forest Fund for the implementation of Nature-based and Technology-Based Carbon Credit Projects in Johor;*
- *Memorandum of Understanding (MoU) between PDT and TNB Renewables Sdn. Bhd. (TNBRe) for Renewable Energy projects – Solar Farm; and*
- *Collaboration Agreement (CA) between PDT and UMW Industrial Power Sdn. Bhd. for the Provision of Green Technology Solutions in Johor.*

We also introduced the slogan ‘Empowering Green Lifestyle’ as part of PDT’s serious commitment to supporting and upholding the state government’s mandate to lead green development in the southern region of the country.



Sektor Air, Air Kumbahan & Tenaga & Persekitaran

Water, Wastewater, Energy and Environment Sector



Sektor Minyak dan Gas

Oil and Gas Sector



Sektor Infrastruktur dan Hartanah

Infrastructure and Property Sector



Sektor Perniagaan dan Pelaburan Strategik

Business and Strategic Investment Sector

Empat Teras Perniagaan, Komitmen Berterusan

Four Business Pillars, Continuous Commitment

Dalam mendukung mandat baharu, PDT kekal fokus menyusun dan mengatur perancangan strategik perniagaan yang melibatkan empat teras utama iaitu Sektor Air, Air Kumbahan, Tenaga dan Persekitaran; Sektor Minyak dan Gas; Sektor Infrastruktur dan Hartanah; dan Sektor Perniagaan dan Pelaburan Strategik.

Keempat-empat teras ini berjaya menyumbang kepada kemajuan syarikat yang berterusan menerusi pelbagai projek berimpak tinggi, sebagaimana yang dinyatakan menerusi Analisis Keberhasilan Utama dalam laporan ini.

In supporting its new mandate, PDT remains focused on structuring and organising strategic business planning, which involves four key pillars including the Water, Wastewater, Energy and Environment Sector; Oil and Gas Sector; Infrastructure and Property Sector; and Business and Strategic Investment Sector.

These four pillars contribute significantly to the company's ongoing progress through various high-impact projects, as highlighted in the 'Analisis Keberhasilan Utama' in this report.



Memperkukuh Tadbir Urus PDT

Strengthening PDT Governance

PDT sentiasa menunjukkan komitmen yang serius untuk meningkatkan dan memperkukuh strategi perniagaan dengan teliti dan tersusun, selari dengan nilai teras PDT iaitu 'Integriti Adalah Teras Profesionalisme Kami'. Usaha ini dilaksanakan menerusi penambahbaikan, memperkemas dan audit yang dilakukan bagi mengenalpasti kelemahan, kekuatan, potensi mahupun ketirisan dalam memastikan tadbir urus korporat, kewangan, perolehan serta operasi dijalankan mengikut prosedur yang ditetapkan.

Perlaksanaan tadbir urus korporat dan pembudayaan integriti merupakan salah satu komitmen utama PDT dalam mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif serta bebas rasuah. Menerusi kepimpinan Jawatankuasa Audit & Integriti (JAI) dan komitmen berterusan Jabatan Integriti & Governans, PDT telah melaksanakan beberapa inisiatif sepanjang tahun 2023.

PDT is dedicated to enhancing and strengthening its business strategy with meticulous and careful planning, aligned with its core value: 'Integrity is the Core of Our Professionalism.' This commitment is realised through improvements, streamlining, and audits to identify weaknesses, strengths, potential issues, and leakages, ensuring that corporate governance, financial, procurement, and operational adhere to established procedures.

Corporate governance and the promotion of integrity are key commitments for PDT in creating a conducive and corruption-free work environment. Under the leadership of the Audit & Integrity Committee (JAI) and the ongoing efforts of the Audit & Integrity Department, several initiatives have been implemented by PDT throughout 2023.



▲ **Mesyuarat Khas Jawatankuasa Audit & Integriti (JAI) PDT**
PDT Audit & Integrity Committee (JAI) Special Meeting



▲ **Mesyuarat Khas Jawatankuasa Audit & Integriti (JAI) PDT**
PDT Audit & Integrity Committee (JAI) Special Meeting



Kami terus menggorak langkah dengan membuat penambahbaikan terhadap sistem antirasuah dan governans melalui Sistem Tapisan Keutuhan (eSTK) dan penambahbaikan Polisi Integriti PDT dengan menyertakan elemen pencegahan terhadap aktiviti pengubahan wang haram, pengaruh luar serta surat sokongan.

Inisiatif ini adalah selari dengan Issues of Concern (IOC) yang telah dikenal pasti oleh pihak SIRIM bagi tujuan pensijilan MS ISO 37001 Anti-Bribery Management System (ABMS) dan senarai semak di bawah Corporate Integrity System Malaysia (CISM) yang akan diguna pakai di peringkat Kumpulan PDT pada tahun 2024.

We have made significant progress by enhancing anti-corruption systems and governance through the Integrity Screening System (eSTK) and improvements to PDT's Integrity Policy. These updates include elements to prevent money laundering, external influence and support letters.

These initiatives align with the Issues of Concern (IOC) identified by SIRIM for the MS ISO 37001 Anti-Bribery Management System (ABMS) certification and the checklist under the Corporate Integrity System Malaysia (CISM), which will be implemented at the PDT Group level in 2024.

Amalan 5S dan Komitmen ESG


5S Practices and ESG Commitment

Kami juga tidak mengabaikan keperluan syarikat dan warga kerja PDT untuk mentransformasikan persekitaran kerja dengan lebih efisien dan sistematik. Pada 2023, PDT telah berjaya mencapai penarafan tiga bintang iaitu Cemerlang menerusi Pensijilan 5S oleh pihak audit Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).

Langkah proaktif juga diteruskan dalam pelaksanaan inisiatif berkaitan ESG (Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus). Antara inisiatif yang telah dilaksanakan pada 2023 adalah mewujudkan Polisi Penerapan ESG, memasang panel solar di bumbung pejabat PDT dan penggunaan kenderaan elektrik (EV).

We have also focused on transforming the work environment to be more efficient and systematic. In 2023, PDT successfully achieved a three-star rating of Excellence through the 5S Certification by the Malaysian Productivity Corporation (MPC) audit.

Furthermore, we continue to take proactive steps in implementing ESG (Environmental, Social, and Governance) initiatives. A number of initiatives were implemented in 2023, including establishing an ESG Adoption Policy, installing solar panels on PDT office rooftops and adopting electric vehicles (EVs).



**ADAPTABILITY
TOWARDS
BETTERMENT**



- ▲ **Majlis Pelancaran Program Amalan 5S PDT**
The Launch Ceremony of PDT 5S Practices Programme



- ▲ **Audit Pensijilan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S di peringkat PDT**
5S Quality Environment Certification Audit at the PDT level



- ▲ Sesi Penyerahan Mock-Cheque kepada Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin
Ceremony for Handing Over the Mock Cheque to the Palestinian People's Humanitarian Trust Fund



- ▲ Penyerahan Sumbangan kepada Mangsa Bencana Monsun Timur Laut Melalui Southern Volunteers (SV)
Contribution Handover to North East Monsoon Disaster Victims Through Southern Volunteers (SV)



- ▲ Sinar Lebaran PDT 2023

Komitmen Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)

Commitment to Corporate Social Responsibility (CSR)

Kami sentiasa berusaha untuk menyampaikan faedah dan pulangan ekonomi kepada kerajaan dan masyarakat di negeri Johor. Seajar dengan matlamat itu, PDT komited dan bergerak aktif dalam pelaksanaan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang memberi fokus kepada pendidikan dan pembangunan modal insan. Fokus ini diberi keutamaan setelah melihat kepentingannya untuk melahirkan kepakaran yang akan memberi sumbangan kepada pembangunan negara dan negeri Johor khususnya.

Dalam pada itu, kami juga menzahirkan kesungguhan tanpa berbelah bahagi dalam membantu golongan yang memerlukan termasuk golongan miskin tegar, miskin bandar dan masyarakat berpendapatan rendah (B40). Kami juga sentiasa berganding bahu bersama pelbagai agensi kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam menyokong pelbagai program yang memberi manfaat kepada komuniti setempat.

We consistently strive to deliver benefits and economic returns to the government and the community in Johor. In line with this goal, PDT is committed to and actively engaged in implementing Corporate Social Responsibility (CSR) programmes that focus on education and human capital development. This focus is prioritised due to its importance in nurturing expertise that contributes to the development of both the nation and Johor specifically.

Water, Wastewater, Energy & Environment Sector



PDT telah diberikan mandat dan tanggungjawab oleh kerajaan negeri sebagai peneraju utama dalam pembangunan Sektor Air, Air Kumbahan, Tenaga & Persekitaran di negeri Johor.

PDT has been given the mandate and responsibility by the state government as the main driver in the development of the Water, Wastewater, Energy & Environment sectors in the state of Johor.



AIR Water

Pembinaan Loji Rawatan Air Kahang
Construction of the Kahang Water Treatment Plant

Pembekalan Air Layang 2 Fasa 2
The Layang 2 Phase 2 Water Supply

WISE - Water Smart Engagement Partnership
WISE - Water Smart Engagement Partnership



AIR KUMBAHAN Wastewater

Pembangunan Water Reclamation Plant (WRP)
Development of the Water Reclamation Plant (WRP)

Lawatan ke Loji Rawatan Kumbahan IWK
Visit to the IWK Sewerage Treatment Plant



TENAGA & PERSEKITARAN Energy & Environment

Pemasangan Panel Solar melalui Supply Agreement Renewable Energy (SARE) di bangunan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor
Installation of Solar Panels through Supply Agreement Renewable Energy (SARE) in the Johor Local Authorities buildings

Persidangan Antarabangsa Asia-Pacific Climate Week 2023
Asia-Pacific Climate Week 2023 International Conference

Polisi Pembangunan Hijau Negeri Johor 2030
Johor Green Development Policy 2030

Program Rintis Kenderaan Elektrik
Electric Vehicle Pilot Program

2023

LAPORAN
TAHUNAN
ANNUAL
REPORT

ANALISIS
KEBERHASILAN
UTAMA
Key Achievement
Analysis



SEKTOR AIR

WATER SECTOR

PEMBINAAN LOJI RAWATAN AIR (LRA) KAHANG

CONSTRUCTION OF KAHANG WATER TREATMENT PLANT (WTP)

Projek pembinaan LRA Kahang ini telah dibina bagi mengatasi krisis bekalan air terawat dan persediaan dalam menghadapi musim kemarau yang dialami oleh pengguna di daerah Kluang dan sekitarnya.

Pelaksanaan projek ini telah dibahagikan kepada dua fasa yang meliputi Fasa 1 iaitu pembinaan sistem perpaipan sepanjang 13.2 kilometer dan telah siap sepenuhnya pada 30 Ogos 2018. Manakala Fasa 2 pula adalah pembinaan LRA Kahang (Water Treatment Plant) yang mempunyai kapasiti 40 MLD dan dua buah Tangki Pengimbang (Balancing Reservoir).

Di awal tahun 2023, projek ini telah berjaya melaksanakan penyambungan di antara paip yang baru dibina dan paip sedia ada yang dikawal selia oleh pihak Ranhill SAJ bagi menyempurnakan keseluruhan sistem perpaipan bagi agihan air terawat daripada LRA Kahang ke Bandar Kluang, Johor.

The construction project of Kahang WTP was initiated to address the treated water supply crisis and prepare for the drought seasons experienced by consumers in the Kluang district and surrounding areas.

The implementation of this project has been divided into two phases. Phase 1 involves the construction of a 13.2-kilometre piping system, which was fully completed on 30th August 2018. Meanwhile, Phase 2 focuses on the construction of the Kahang Water Treatment Plant (WTP) with a capacity of 40 MLD and two Balancing Reservoirs.

In early 2023, this project successfully connected the newly constructed pipes with the existing ones managed by Ranhill SAJ, finalising the entire pipeline system for the distribution of treated water from the Kahang Water Treatment Plant to Kluang Town, Johor.

Pembinaan projek ini telah menggunakan aplikasi teknologi Dissolve Air Flotation (DAF) di mana teknologi tersebut dapat mengeluarkan sehingga 99 peratus bahan cemar yang terdapat di dalam air dan memastikan air yang dirawat memenuhi piawaian yang diperlukan. Selain itu, DAF ini juga direka bentuk secara padat dan hanya memerlukan ruang yang kecil bagi memudahkan pemasangan semula ke dalam loji rawatan air sedia ada, menjadikannya penyelesaian kos efektif untuk menaiktaraf infrastruktur sedia ada.

Pelaksanaan projek ini dilihat sebagai salah satu penyelesaian terbaik dalam memastikan air terawat dapat diuruskan secara lestari di samping meningkatkan keyakinan rakyat terhadap kepimpinan kerajaan dalam menangani isu bekalan air terawat demi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat Johor.

The construction of this project has utilised the Dissolved Air Flotation (DAF) technology application, which can remove up to 99 percent of contaminants from the water, ensuring the treated water meets the required standards. Additionally, this DAF technology is compactly designed and requires minimal space, making it easy to install into existing water treatment plants, offering a cost-effective solution for upgrading existing infrastructure.

The implementation of this project is viewed as one of the best solutions for ensuring the sustainable management of treated water while boosting public confidence in the government's leadership in addressing treated water supply issues for the welfare and prosperity of the people of Johor.



KAPASITI LOJI
Capacity of Plant

40

Juta Liter Sehari (MLD)
Million Litres per Day (MLD)



KOS PROJEK
Project Cost

**RM
127.2**

Juta (Oleh Kerajaan Negeri)
Million (By State Government)

APLIKASI TEKNOLOGI
Technology Applied

Dissolved Air Flotation (DAF)

PELAKSANAAN PROJEK
Project Implementation

Fasa 1:

Phase 1:

Siap 30 Ogos 2018

Completed on 30th August 2018

Fasa 2:

Phase 2:

Dalam pembinaan (2023)

Under construction (2023)



SEKTOR AIR

WATER SECTOR

PEMBEKALAN AIR LAYANG 2 FASA 2

THE LAYANG 2 PHASE 2 WATER SUPPLY

Pembinaan Layang 2 Fasa 2 (L2F2) telah dimulakan pada 12 Februari 2017 dan siap sepenuhnya pada 11 Februari 2019. Tempoh Liabiliti Kecacatan (Defect Liability Period, DLP) projek telah berakhir pada 10 Februari 2021 dan serahan kepada Badan Kawalselia Air Negeri Johor (BAKAJ) diadakan pada bulan Mac tahun yang sama.

The construction of the Layang 2 Phase 2 (L2F2) water supply project commenced on 12th February 2017 and was fully completed on 11th February 2019. The Defect Liability Period (DLP) for the project concluded on 10th February 2021, followed by its handover to the Johor Water Regulatory Body (BAKAJ) in March of the same year.



KAPASITI LOJI
Capacity of Plant

130

Juta Liter Sehari (MLD)
Million Litres per Day (MLD)



KOS PROJEK
Project Cost

RM 181

Juta (Oleh Kerajaan Negeri)
Million (By State Government)



PELAKSANAAN PROJEK
Project Implementation

Kontrak Asal
Original Contract
15 FEB 2019

Tambahan Kerja
Additional Works
Dalam Pembinaan (2023)
Under Construction (2023)

Klien projek ini iaitu Petronas Refinery and Petrochemical Corporation (PRPC) melihat terdapat keperluan kepada bekalan elektrik khusus bagi kegunaan projek ini. Justeru kerajaan negeri Johor melalui Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor (BPENJ) telah mengeluarkan Arahan Perubahan Kerja kepada kontrak asal projek ini pada April 2021 untuk melaksanakan kerja-kerja tambahan bagi pembinaan Stesen Suis Utama (SSU) 33kV.

The project client, Petronas Refinery and Petrochemical Corporation (PRPC) identified a need for a dedicated electrical supply for the project. Subsequently, the Johor State Government, through the Johor State Economic Planning Unit (BPENJ), issued a Change Order Directive to the original contract of this project in April 2021 to undertake additional works for the construction of the Main Switching Station (SSU) 33kV.



Secara keseluruhannya, pembinaan SSU ini telah berjaya disiapkan sepenuhnya dan kini di peringkat kelulusan pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi penyambungan bekalan tenaga elektrik kepada SSU tersebut sebelum serahan sepenuhnya oleh kerajaan negeri Johor kepada PRPC yang dijangka selesai pada penghujung tahun 2024.

Overall, the construction of the SSU has been successfully completed, and it is currently at the stage of approval by Tenaga Nasional Berhad (TNB) for the connection of electrical supply to the SSU. The full handover by the Johor State Government to PRPC is expected to be completed by the end of 2024.




WISE - WATER SMART ENGAGEMENT PARTNERSHIP WATER FEDERATION'S TECHNICAL EXHIBITION AND CONFERENCE (WEFTEC)

Kerjasama yang telah terjalin di antara PDT dan US Water Partnership (USWP) telah diteruskan dengan penyertaan delegasi kerajaan negeri Johor dalam Persidangan WEFTEC kali ke-96 di Chicago, Amerika Syarikat pada 30 September sehingga 4 Oktober 2023.

Persidangan tersebut dihadiri oleh Pengarah Badan Kawalselia Air Negeri Johor (BAKAJ), Haji Natazha bin Hariss; Timbalan Presiden Hartanah & Projek SSI, Ambok Nani bin Muhamad Nor; Timbalan Presiden Undang-undang, Kesetiausahaan & Integriti, Mohd Firdaus bin Abd Samad; Setiausaha Sulit kepada Menteri Besar Johor, Mohamad Iskandar bin Omar dan Ketua Projek Khas, Sektor Penyelidikan & Pemantauan Projek PDT, Muhammad Danial Ariff bin Burhanudin.

The collaboration between PDT and the US Water Partnership (USWP) was further strengthened with the participation of a delegation from the Johor state government at the 96th WEFTEC Conference in Chicago, USA, from 30th September to 4th October 2023.

The conference was attended by Director of the Johor Water Regulatory Body (BAKAJ), Haji Natazha bin Hariss; Deputy President Land & Property, Ambok Nani bin Muhamad Nor; the Deputy President of Legal, Secretarial & Integrity, Mohd Firdaus bin Abd Samad; Private Secretary to the Menteri Besar Johor, Mohamad Iskandar bin Omar; and Head of Special Project, Research & Project Monitoring Sector of the PDT, Muhammad Danial Ariff bin Burhanudin.



▲ Sesi pembukaan persidangan WEFTEC telah diadakan pada 2 Oktober 2023

The opening session of the WEFTEC conference was held on 2nd October 2023



▲ Sesi roundtable persidangan WEFTEC

The roundtable session at the WEFTEC conference

Lawatan Kerja & Teknikal di Washington, DC

Working & Technical Visit to Washington, DC



Lawatan Kerja dan Teknikal di Washington, DC ke Pejabat Xylem

Working and Technical Visit to Xylem Office in Washington, DC

Delegasi kerajaan negeri Johor disambut baik oleh wakil daripada DC Water iaitu Pengarah Kepimpinan Strategik dan Kemampanan, Matthew Ries; Pengarah Innovation, Robert Bornhofen dan wakil USWP iaitu Penasihat Antarabangsa, Nomi Seltzer.

The Johor state government delegation was warmly received by representatives from DC Water, including Strategic Leadership and Sustainability Director, Matthew Ries; Innovation Director, Robert Bornhofen, and USWP representative, International Advisor Nomi Seltzer.



Lawatan Kerja dan Teknikal di Washington, DC ke The City of Frederick

Working and Technical Visit to The City of Frederick, Washington, DC

Taklimat berkaitan *Flood Resiliency Past, Present and Future* disampaikan oleh Pengarah Jabatan Kerja Raya Maryland, Zack Kershner kepada delegasi kerajaan negeri Johor.

A briefing on Flood Resiliency Past, Present, and Future was delivered to the delegation from the Johor state government by Maryland Department of Public Works Director, Zack Kershner.



Delegasi kerajaan negeri Johor berpeluang melihat teknologi yang digunakan dalam elemen rawatan air kumbahan serta fasiliti di DC Water. Turut serta delegasi Kedutaan Malaysia di Washington, DC diketuai oleh Timbalan Ketua Misi, Fairuz Adli Mohd Rozali.

The Johor state government delegation had the opportunity to observe the technology used in wastewater treatment and facilities at DC Water. The delegation from the Malaysian Embassy in Washington, DC, led by Deputy Chief of Mission Fairuz Adli Mohd Rozali, also participated.



Lawatan Rasmi ke Pejabat Kedutaan Besar Washington, Amerika Syarikat

Official Visit to the Embassy of Malaysia in Washington, United States

Delegasi kerajaan negeri Johor disambut baik oleh Duta Malaysia ke Amerika Syarikat, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz.

The Johor state government delegation was warmly welcomed by the Malaysian Ambassador to the United States, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz.



Lawatan Rasmi ke Pejabat Konsulat Jeneral Malaysia di New York

Official Visit to the Consulate General of Malaysia in New York

Delegasi kerajaan negeri Johor disambut baik oleh Konsul Jeneral Malaysia, Amir Farid bin Abu Hasan. Turut serta Naib Konsul, Mohd Izham Iskandar Che Ishak, serta Ketua Jabatan Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE), Nyae Ayup.

The delegation from the Johor state government was warmly welcomed by Consul General of Malaysia, Amir Farid bin Abu Hasan. Also present were Vice Consul, Mohd Izham Iskandar Che Ishak, and the Head of Department of the Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE), Nyae Ayup.



Persidangan WEFTEC 2023 telah membuka peluang kepada kerajaan negeri Johor untuk menerima manfaat melalui kerjasama dengan syarikat-syarikat berpotensi dalam industri air dengan pengenalan kepada teknologi-teknologi baharu dari seluruh dunia.

Di samping itu, lawatan kerja ke DC Water di Washington, DC turut memberi pendedahan kepada pengurusan air yang mampan, teknologi dan inovasi baharu, peluang perniagaan yang luas serta kolaborasi di antara DC Water dan PDT.

The WEFTEC 2023 conference has provided the Johor state government with opportunities to benefit from collaborations with potential companies in the water industry, introducing new technologies from around the world.

Additionally, the working visit to DC Water in Washington DC provided an opportunity for them to discover more about sustainable water management, new technologies and innovations, extensive business opportunities, and collaborations between DC Water and PDT.



SEKTOR AIR

WATER SECTOR

PEMBANGUNAN WATER RECLAMATION PLANT (WRP)

WATER RECLAMATION PLANT (WRP) DEVELOPMENT

PDT menerusi anak syarikat milik sepenuhnya, Johor Special Water Sdn. Bhd. (JSW) telah menjalin kolaborasi bersama Indah Water Konsortium (IWK) sejak tahun 2021. Antara lainnya bagi memastikan penyediaan perkhidmatan pembetungan kepada rakyat di negeri Johor adalah lebih cekap dan berkualiti.

Kolaborasi strategik ini dilihat secara tidak langsung dapat mendukung usaha kerajaan persekutuan untuk mencapai 85.4% perkhidmatan pembetungan di bandar-bandar utama dan sasaran untuk mencapai 90% liputan rangkaian pembetungan menjelang tahun 2025.

PDT, through its wholly-owned subsidiary Johor Special Water Sdn. Bhd. (JSW) has established a collaboration with Indah Water Konsortium (IWK) since 2021. Among other objectives, this partnership aims to ensure that sewerage services provided to the people of Johor are more efficient and of higher quality.

This strategic collaboration indirectly supports the federal government's efforts to achieve 85.4% sewerage services coverage in major cities and the target of 90% network coverage by 2025.

Seterusnya, PDT akan terus meneroka peluang perniagaan yang baharu dalam mengembangkan portfolio syarikat dengan memanfaatkan air sisa kumbahan menerusi potensi pembangunan loji air tebus guna (water reclamation plant, WRP) sebagai sumber air alternatif khususnya kepada perindustrian.

Loji WRP di Setia Alam, Selangor yang dilaksanakan oleh IWK dan Air Selangor telah membuktikan keberkesanan teknologi WRP dengan memanfaatkan air sisa kumbahan yang mampu menghasilkan sehingga 4 – 7.5 MLD air tebus guna kepada industri. Penglibatan PDT dalam projek WRP secara tidak langsung dapat memberikan impak yang positif kepada rakyat dan sekaligus memartabatkan imej negara dan negeri Johor.

Furthermore, PDT will continue to explore new business opportunities to expand the company's portfolio by leveraging wastewater through the potential development of water reclamation plants (WRP) as an alternative water source, particularly for industries.

The WRP plant in Setia Alam, Selangor, managed by IWK and Air Selangor has proven the effectiveness of WRP technology by utilising wastewater, which can produce between 4 to 7.5 million litres per day (MLD) of reclaimed water for industrial use. PDT's involvement in WRP projects could indirectly bring a positive impact to the people while enhancing the reputation of both nation and state of Johor.



SEKTOR AIR KUMBAHAN

WASTEWATER SECTOR

LOJI RAWATAN KUMBAHAN TERBESAR DI ASIA PASIFIK

LARGEST SEWAGE TREATMENT PLANT IN THE ASIA PACIFIC

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-10, loji rawatan kumbahan di Pantai Dalam Kuala Lumpur telah dinaik taraf menjadi Loji Rawatan Kumbahan Berpusat (RSTP) Pantai yang dilengkapi dengan pelbagai fasiliti dan teknologi terbaru yang dikendalikan oleh Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.

Loji yang dikenali sebagai Pantai 2 RSTP mempunyai kemudahan rawatan bagi populasi 1.423 juta penduduk meliputi kawasan seluas lebih 6,700 hektar yang merangkumi bahagian tengah dan barat daya Kuala Lumpur. PDT melalui rakan strategiknya, IWK telah mengadakan beberapa siri lawatan ke Loji RSTP ini pada tahun 2023 yang turut dihadiri oleh wakil dari kerajaan negeri Johor.

Under the 10th Malaysia Plan, the sewage treatment plant in Pantai Dalam, Kuala Lumpur has been upgraded into the Pantai Centralised Sewage Treatment Plant (RSTP) equipped with various modern facilities and technology managed by Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.

The plant, known as Pantai 2 RSTP has treatment facilities for a population of 1.423 million people, covering an area of over 6,700 hectares including central and southwestern Kuala Lumpur. PDT, through its strategic partner IWK, organised several visits to this RSTP plant in 2023, which were also attended by representatives from the Johor state government.

Menerusi lawatan ini, PDT berpeluang melihat proses rawatan air kumbahan merangkumi beberapa proses rawatan cecair dan pepejal sisa kumbahan menggunakan teknologi *Advanced Anaerobic-Anoxic-Oxic (A20)* bagi mencapai kualiti pelepasan efluen Standard A, Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009.

Through this visit, PDT had the opportunity to observe the sewage treatment process, which includes several stages of liquid and solid waste treatment using Advanced Anaerobic-Anoxic-Oxic (A20) technology, to achieve the effluent discharge quality of Standard A as per the Environmental Quality (Sewage) Regulations 2009.



Seterusnya PDT juga telah mengadakan lawatan ke Loji Rawatan Berpusat Langat yang turut dikendalikan oleh IWK.

PDT also conducted a visit to the Langat Centralised Sewage Treatment Plant, which is also managed by IWK.

Uniknya loji berkeluasan 7.3 hektar ini yang dikenali sebagai Langat Eco Park turut menempatkan pusat rekreasi dan sukan di atas loji rawatan bagi kegunaan orang awam di sekitar kawasan tersebut. Menggunakan teknologi Step Feed Multi-Stage Denitrification Process, loji ini mampu menampung rawatan kumbahan dengan kapasiti 920,000 penduduk.

Uniquely, the 7.3-hectare plant, also known as Langat Eco Park, features recreational and sports facilities situated on the plant premises for public use in the surrounding area. Using Step Feed Multi-Stage Denitrification Process technology, this plant has the capacity to treat sewage for 920,000 residents.





SEKTOR TENAGA & PERSEKITARAN

ENERGY & ENVIRONMENT SECTOR

PEMASANGAN SOLAR DI BANGUNAN PBT NEGERI JOHOR

SOLAR INSTALLATION IN LOCAL AUTHORITY (PBT) BUILDING IN JOHOR

Pemasangan solar di bawah program Supply Agreement for Renewable Energy (SARE) merupakan kontrak pembekalan dan penggunaan tenaga elektrik solar secara tri-partite yang melibatkan tiga pihak:

The solar installation under the Supply Agreement for Renewable Energy (SARE) programme is a tri-partite contract for the supply and use of solar electric energy involving three parties:

Pihak Pertama
First Party

Pemilik Bangunan
Building Owners

15

**Pihak Berkuasa
Tempatan
Negeri Johor**
Local Authorities
in the State
of Johor

Pihak Kedua
Second Party

Pelabur Aset
(Rakan Strategik Teknikal PDT)
Asset Investor
(Technical Strategic Partner of PDT)



UNITED
SOLAR ENERGY
Malaysia's Renewable Energy Choice

Pihak Ketiga
Third Party

Agen Pengebilan
Billing Agent



**TENAGA
NASIONAL**

Projek ini bertujuan melestarikan bangunan milik kerajaan melalui penggunaan tenaga solar yang lebih efisien di samping mengurangkan *carbon footprint* dalam usaha merealisasikan agenda Masyarakat Rendah Karbon di negeri Johor.

This project aims to promote sustainability in government-owned buildings by using more efficient solar energy, thereby reducing the carbon footprint in efforts to realise the Low Carbon Society agenda in Johor.



Pelaksanaan projek SARE yang ditawarkan kepada PBT negeri Johor adalah tanpa sebarang kos dan dibiayai serta dipantau sepenuhnya oleh PDT-USEM sepanjang tempoh konsesi 20 tahun. Penyelenggaraan sistem panel solar juga diuruskan oleh PDT-USEM dengan jaminan produk selama 30 tahun untuk solar panel dan 10 tahun untuk *inverter*.

Sepanjang tahun 2023, PDT-USEM telah berjaya melaksanakan pemasangan panel solar atas bumbung sebanyak 0.37 MWp bagi 10 buah bangunan milik tujuh PBT.

The implementation of the SARE project offered to local authorities in Johor is entirely Cost-free and is fully financed and monitored by PDT-USEM throughout the 20-year concession period. The maintenance of the solar panel systems is also managed by PDT-USEM, with a 30-year product warranty for the solar panels and a 10-year warranty for the inverters.

Throughout 2023, PDT-USEM successfully installed 0.37 MWp of rooftop solar panels for 10 buildings owned by seven local authorities.

No.	PBT / Bangunan <i>Local Authority/ Building</i>	Saiz Sistem (kWp) <i>System Size</i>	Bil. Panel <i>No. of Panels</i>	Tarikh Mula Penjanaan <i>Start Date of Generation</i>	Kapasiti (kWp) Siap Pasang / Jumlah Keseluruhan <i>Capacity (kWp) (Installed / Total)</i>
Majlis Perbandaran Segamat					
1.	Terminal Pengangkutan Awam	30.00	58 unit	26 Julai 2023	30.00 / 323.95
Majlis Perbandaran Batu Pahat					
2.	Unit Stor	21.75	80 unit	16 Julai 2023	59.47 / 59.47
3.	Dewan Jubli Intan	37.72	44 unit	26 Julai 2023	
Majlis Daerah Simpang Renggam					
4.	Dewan Muafakat	45.10	110 unit	20 Julai 2023	45.10 / 123.82
Majlis Daerah Tangkak					
5.	Dewan Muafakat	15.58	38 unit	4 Julai 2023	15.58 / 15.58
Majlis Perbandaran Muar					
6.	Pasar Awam Maharani	35.26	82 unit	1 Oktober 2023	35.26 / 254.20

Majlis Perbandaran Pontian				
7.	Terminal Pengangkutan Awam	16.77	39 unit	6 Februari 2024
				83.85 / 421.79
8.	Pasar Awam Pontian	67.08	156 unit	8 Mac 2024
Majlis Daerah Yong Peng				
9.	Pejabat MDYP	62.32	151 unit	18 Mac 2024 18 Mar 2024
				103.73 / 128.33
10.	Dewan Persidangan MDYP	41.41	96 unit	18 Mac 2024 18 Mar 2024
Jumlah Keseluruhan Sistem Total System Size			372.99 kWp (0.37 MWp)	



PDT-USEM menggunakan panel solar berjenama Winaico dan inverter berjenama Huawei, manakala data penjanaan solar secara *real-time* dipantau menggunakan teknologi aplikasi FusionSolar. Melalui aplikasi ini, pihak PBT dapat melihat trend, data penjanaan sistem solar dan amaran kerosakan atau kegagalan pada sistem solar.

PDT-USEM utilises Winaico brand solar panels and Huawei inverters, while real-time solar generation data is monitored using FusionSolar application technology. Through this application, local authorities can view trends, solar system generation data, and receive alerts for system malfunctions or failures.



▶ Majlis Perbandaran Segamat
Terminal Pengangkutan Awam Segamat

30^{kWp}



▶ Majlis Perbandaran Batu Pahat
Unit Stor

21.75^{kWp}



▶ Majlis Perbandaran Batu Pahat
Dewan Jubli Intan

37.72^{kWp}



▶ Majlis Daerah Simpang Renggam
Dewan Muafakat

45.10^{kWp}



▶ Majlis Daerah Tangkak
Dewan Muafakat

15.58^{kWp}



▶ Majlis Perbandaran Muar
Pasar Awam Maharani

35.26^{kWp}



▶ Majlis Perbandaran Pontian
Terminal Pengangkutan Awam

16.77^{kWp}



▶ Majlis Perbandaran Pontian
Pasar Awam Pontian

67.08^{kWp}



▶ Majlis Daerah Yong Peng
Pejabat MDYP

63.32^{kWp}



▶ Majlis Daerah Yong Peng
Dewan Persidangan

41.41^{kWp}



**TEMPOH KONSESI
PDT-USEM**
PDT-USEM Concession Period



**HAK MILIK
PANEL SOLAR**
Ownership of Solar Panels

20

Tahun
Years

PBT

Local Authorities

Selepas Tamat Tempoh Konseksi
After Concession Period



MANFAAT SOLAR
Benefits of Solar Energy

Bagi Tempoh Hayat Solar Sepanjang 30 Tahun
Over the 30-Year Lifespan



**Penjimatan
Sepanjang Hayat**
Lifetime Savings



Penyahkarbon
Decarbonization



**Bilangan Pokok
Ditanam**
*Equivalent Number
of Trees Planted*

RM

7.31

Juta
Million

11.9

Ribu Tan CO₂
Thousand Tons of CO₂

497

Ribu Pokok
Thousand Trees



SEKTOR TENAGA & PERSEKITARAN

ENERGY & ENVIRONMENT SECTOR

ASIA-PACIFIC CLIMATE WEEK 2023



Minggu Iklim Asia Pasifik atau lebih dikenali sebagai Asia-Pacific Climate Week (APCW) ialah persidangan yang mengumpulkan jabatan kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pemain industri dan pelbagai pihak berkepentingan dari dalam dan luar negara untuk membincangkan isu-isu dan penyelesaian berkenaan perubahan iklim di rantau Asia-Pasifik. Persidangan ini berperanan menumpukan usaha sama bagi meningkatkan kerjasama dan mempromosikan inisiatif menangani perubahan iklim di peringkat serantau.

Asia-Pacific Climate Week (APCW) is a conference that convenes government departments, non-governmental organisations, industry players, and various stakeholders from both within and outside the country to discuss climate change issues and solutions in the Asia-Pacific region. The conference plays a crucial role in fostering collaborative efforts to enhance cooperation and promote initiatives for addressing climate change at the regional level.

Persidangan APCW 2023 buat julung-julung kalinya diadakan di Johor, Malaysia dan dihoskan oleh kerajaan negeri Johor. Persidangan ini berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor selama lima hari bermula 13 sehingga 17 November 2023. Persidangan ini telah berjaya menghimpunkan peserta daripada 108 negara yang terdiri daripada 300 penceramah dan 2,000 delegasi yang mengambil bahagian dalam lebih daripada 200 sesi dan 100 pameran.

The APCW 2023 conference was held for the first time in Johor, Malaysia, and was hosted by the Johor State Government. The event took place at the Persada Johor International Convention Centre over five days, from 13th to 17th November 2023. The conference successfully gathered participants from 108 countries, featuring 300 speakers and 2,000 delegates who engaged in over 200 sessions and 100 exhibitions.

Persidangan APCW 2023 Terbahagi Kepada Empat Tema Utama iaitu:

*The APCW 2023 conference was
divided into four main themes:*



**Tenaga, Infrastruktur,
Sumber Semula Jadi
dan Masyarakat yang
Berdaya Tahan**

*Energy, Infrastructure,
Natural Resources,
and Resilient Societies*



**Tanah, Lautan,
Makanan dan Air**
*Land, Oceans, Food
and Water*



**Penempatan di Bandar dan Luar Bandar,
Infrastruktur dan Pengangkutan,
Fokus kepada Tindakan Transformatif
dalam Persekitaran Bandar
dan Luar Bandar, dengan Tumpuan
kepada Pengangkutan dan
Infrastruktur yang Mampan**

*Urban and Rural Settlement, Infrastructure
and Transportation, with a Focus on Transformative
Actions in Urban and Rural Environments,
Emphasizing Sustainable
Transport and Infrastructure.*



**Masyarakat, Kesihatan,
Mata Pencarian dan Ekonomi**
*Societies, Health,
Livelihoods and Economies*

Persidangan antarabangsa ini turut menyaksikan peristiwa penting kepada kerajaan negeri Johor dan juga PDT dalam usaha memacu pembangunan hijau di negeri Johor. Antaranya ialah:

This international conference also witnessed important events for the Johor state government and PDT in advancing green development in Johor. These include:

| Majlis Pelancaran Johor Sustainability Centre dan Johor Green Deal

The Launch of the Johor Sustainability Centre and the Johor Green Deal



1

Menjadi pemudahcara kerajaan bagi membentuk kerjasama dengan organisasi dalam dan luar negara bagi cadangan atau inisiatif hijau baharu yang ingin diketengahkan di Johor;

Acts as a facilitator for the government in fostering collaboration with domestic and international organisations to advance new green proposals or initiatives in Johor;

2

Menasihati kerajaan negeri dalam mengenalpasti permasalahan dan cabaran yang berkaitan dengan pembangunan hijau dan mencari jalan penyelesaian terhadap masalah tersebut dengan berganding bahu bersama institusi akademik, kumpulan tenaga pakar dan pemain industri yang berkaitan; dan

Advises the state government on identifying issues and challenges related to green development and collaborates with academic institutions, expert working groups, and relevant industry players to identify the solutions; and

3

Menjalin hubungan strategik dengan badan, agensi dan pihak swasta dari dalam dan luar negara untuk mendapatkan maklumat berguna serta merintis kerjasama dalam melaksanakan program perkongsian dan perpindahan ilmu, penyelidikan dan pembangunan rendah karbon di Johor.

Establishes strategic relationships with bodies, agencies, and private sector entities both locally and internationally to gather valuable information and pioneer collaborations in implementing knowledge-sharing programmes, as well as low-carbon research and development in Johor.

JOHOR GREEN DEAL

Johor Green Deal merupakan rangka kerja yang bertujuan untuk mewujudkan persekitaran rendah karbon dan lestari serta bertindak sebagai panduan kepada negeri Johor dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif pembangunan hijau berdasarkan lima tonggak utama yang digariskan, iaitu:

The Johor Green Deal is a framework aimed at creating a low-carbon and sustainable environment and serves as a guide for the state of Johor in implementing green development initiatives based on five key pillars, which are:



TENAGA

Energy

Memacu kecekapan tenaga merentas sektor dan mempercepatkan pelaksanaan peralihan tenaga boleh diperbaharui.

Driving energy efficiency across sectors and accelerating the renewable energy transisition.



PENGANGKUTAN DAN MOBILITI

Transport and Mobility

Menambah baik infrastruktur awam, menghijaukan sektor pengangkutan, maritim dan meningkatkan pelaksanaan elektrifikasi kenderaan.

Improving public infrastructure, greening transport sector, maritime and scaling up electrification of vehicles.



GUNA TANAH, ALAM SEKITAR DAN AIR

Land Use, Nature and Water

Memulihara biodiversiti, memelihara sumber air dan mengawal kejadian banjir kilat serta menambahbaik pengurusan sisa buangan.

Conserving biodiversity, preserving water sources and reducing flash floods, as well as improving waste management.



BANDAR RENDAH KARBON

Low Carbon Cities

Mengawal pelepasan karbon di kawasan bandar dan meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat.

Managing carbon emissions in the urban environment and raising community awareness.



INDUSTRI

Industry

Meningkatkan prestasi alam sekitar yang lebih baik dengan penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui dan sekali gus menyahkarbonkan industri Johor.

Encouraging better environmental performance by utilising renewable energy resources, thereby decarbonising Johor's industries.

| Majlis Pertukaran Dokumen Persefahaman Dan Perjanjian Kolaborasi

Document Exchange Ceremony for Memorandum of Understanding and Collaboration Agreement



Surat Perjanjian Kolaborasi (LoC) di antara PDT dan World Bank Group bagi inisiatif di bawah Pusat Kelestarian Johor (JSC).

Collaboration Agreement Letter (LoC) between PDT and the World Bank Group for the initiative under the Johor Sustainability Centre (JSC).

PDT menerusi anak syarikatnya Pusat Kelestarian Johor (JSC) telah menjalin kerjasama bersama World Bank Group, bertujuan untuk berkongsi pengetahuan dan kepakaran berkaitan perubahan iklim, kelestarian, kewangan dan ekonomi.

Kerjasama ini akan meneroka pelbagai polisi yang melibatkan perubahan iklim, kemampanan serta inisiatif Environmental, Social and Governance (ESG). Menerusi kolaborasi ini, pihak berkaitan akan mengkaji dan mengambil kira kepentingan alam sekitar serta cadangan dasar bagi mewujudkan ekonomi lestari.

Menerusi kolaborasi ini juga, mereka akan bekerjasama dalam mempromosi dasar awam bagi menarik penyertaan pelabur dari kedua-dua sektor awam dan swasta untuk projek mesra alam yang dilaksanakan di negeri Johor.

Kerajaan negeri akan memperoleh manfaat kepakaran World Bank Group berkaitan kelestarian air, industri hijau, mitigasi perubahan iklim dan pembangunan mampan. Justeru, hasil-hasil kajian dan kepakaran dapat dikongsi bersama dan seterusnya memberi impak positif kepada pengurusan alam sekitar di negeri Johor.

PDT, through its subsidiary Johor Sustainability Centre (JSC) has established a partnership with the World Bank Group to share knowledge and expertise on climate change, sustainability, finance, and economy.

This collaboration will explore various policies related to climate change, sustainability, together with Environmental, Social and Governance (ESG) initiatives. Through this partnership, the involved parties will assess and consider environmental interests and policy recommendations to create a sustainable economy.

Through this collaboration, they will also work together to promote public policies aimed at attracting investment from both the public and private sectors for environmentally friendly projects implemented in Johor.

The state government will benefit from the World Bank Group's expertise in water sustainability, green industries, climate change mitigation, and sustainable development. Consequently, the research and expertise generated will be shared, resulting in a positive impact on environmental management in Johor.



Memorandum Persefahaman (MoU) di antara PDT, Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) dan Malaysia Forest Fund (MFF) bagi Projek Kredit Karbon Berasaskan Alam Semula Jadi dan Teknologi di Johor.

Memorandum of Understanding (MoU) between PDT, the Johor State Forestry Department (JPNJ), and the Malaysia Forest Fund (MFF) for the Nature-Based and Technology-Based Carbon Credit Project in Johor.

Kerajaan negeri menerusi PDT akan mempelopori projek kredit karbon dan seterusnya menyediakan mekanisme efektif untuk menjana pendapatan melalui sektor perhutanan dengan kerjasama JPNJ dan MFF.

Pihak PDT memainkan peranan sebagai agensi penyelaras yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan projek tersebut, manakala JPNJ dan MFF akan berperanan dalam mengenal pasti kawasan hutan yang sesuai serta projek berpotensi di negeri Johor. Kolaborasi ini menunjukkan komitmen negeri dalam mencapai pengurangan karbon dan memastikan kawasan hutan sentiasa dipelihara selain menjana pendapatan kepada kerajaan negeri.

Dengan pelaksanaan projek kredit karbon ini, maka kerajaan negeri akan memperolehi hasil pendapatan baharu di samping dapat memelihara kawasan hutan demi kelangsungan sumber alam semula jadi serta biodiversiti.

The state government, through PDT will spearhead the carbon credit project and establish an effective mechanism to generate revenue through the forestry sector in collaboration with JPNJ and MFF.

PDT will serve as the coordinating agency responsible for implementing the project, while JPNJ and MFF will identify suitable forest areas and potential projects in Johor. This collaboration highlights the state's commitment to achieving carbon reduction and ensuring that forest areas are continually preserved, while also generating revenue for the state government.

By implementing this carbon credit project, the state government will obtain new revenue streams and simultaneously contribute to the conservation of forest areas, supporting the sustainability of natural resources and biodiversity.



Memorandum Persefahaman (MoU) di antara PDT dengan TNB Renewables Sdn. Bhd. (TNBRe) bagi Pembangunan Ladang Solar Berskala Besar

Memorandum of Understanding (MoU) between PDT and TNB Renewables Sdn. Bhd. (TNBRe) for the Development of a Large-Scale Solar Farm.

Kerjasama di antara PDT dan TNBRe memfokuskan kepada pembangunan ladang solar berskala besar. PDT berperanan dalam mengenalpasti lokasi tapak yang sesuai bagi pembangunan ladang solar ini dan TNBRe pula akan menerajui pembangunan projek meliputi aspek teknikal, kewangan, komersial, pengurusan projek dan aset.

Pembangunan solar yang dicadangkan adalah berkapasiti 100 MegaWatt dan ianya akan menjadi salah satu projek berimpak tinggi kepada negeri bagi mengurangkan kesan karbon dan seterusnya meningkatkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui sebagaimana yang digariskan dalam agenda Johor Green Deal.

Selain itu, dengan adanya projek ini, ianya juga akan menjana sosioekonomi setempat dari segi sumber pekerjaan dan menggalakkan kehadiran orang luar untuk meninjau dan mempelajari projek ladang solar berskala besar ini. Pembangunan projek ini juga penting bagi menyokong pertumbuhan ekonomi tenaga diperbaharui seiring dengan dasar kerajaan persekutuan berkenaan peralihan tenaga baharu melalui *National Energy Transition Roadmap (NETR)*.

The collaboration between PDT and TNBRe focuses on the development of a large-scale solar farm. PDT will be responsible for identifying suitable site locations for the solar farm, while TNBRe will lead the project development, encompassing technical, financial, commercial, project management, and asset management aspects.

The proposed solar development will have a capacity of 100 megawatts and is expected to be a high-impact project for the state, aimed at reducing carbon emissions and increasing the use of renewable energy as outlined in the Johor Green Deal.

In addition, the project will generate local socioeconomic benefits through job creation and attract outsiders in studying and observing large-scale solar farm projects. This development is also crucial for supporting the growth of the renewable energy sector in line with the federal government's new energy transition policy through the National Energy Transition Roadmap (NETR).



Perjanjian Kolaborasi (CA) di antara PDT dan UMW Industrial Power Services Sdn. Bhd. (UIPS) bagi Projek Teknologi Hijau di Johor.

Collaboration Agreement (CA) between PDT and UMW Industrial Power Services Sdn. Bhd. (UIPS) for Green Technology Project in Johor

PDT telah menjalin kolaborasi dengan UIPS dalam projek berkaitan pembangunan teknologi hijau di Johor, yang mana UIPS menjadi rakan strategik melibatkan projek teknologi hijau seperti tenaga boleh diperbaharui, teknologi hidrogen, *Waste To Energy* (WTE) dan pemulihan karbon. PDT akan berperanan sebagai pemudah cara kepada kerajaan negeri bagi pelaksanaan projek teknologi hijau ini.

PDT dan UIPS bekerjasama untuk meneroka sumber tenaga alternatif selaras dengan dasar National Energy Transition Roadmap (NETR) yang dilaksanakan di peringkat persekutuan ke arah peralihan tenaga boleh diperbaharui. Kerjasama ini juga bertujuan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi Johor dari segi tenaga boleh diperbaharui dengan peringkat awal pelaksanaan yang memfokuskan kepada teknologi hidrogen sebagai tenaga boleh diperbaharui yang cekap.

Kerjasama ini tidak akan melibatkan sebarang kos operasi (OPEX) dan kos pembangunan (CAPEX) kepada kerajaan negeri tetapi ianya boleh dizahirkan sebagai peluang perniagaan kepada syarikat berkaitan kerajaan khususnya PDT dan juga kerajaan negeri dalam bidang teknologi hijau. Ini secara tidak langsung akan memperkukuhkan kedudukan kerajaan negeri sebagai pemimpin dalam penggunaan tenaga boleh diperbaharui serta mewujudkan persekitaran rendah karbon dan lestari selari dengan lima tonggak utama di bawah Johor Green Deal.

PDT has entered into a collaboration with UIPS for a green technology development project in Johor, where UIPS serves as a strategic partner involving projects such as renewable energy, hydrogen technology, Waste To Energy (WTE), and carbon recovery. PDT will act as the facilitator to the state government for the implementation of this green technology project.

PDT and UIPS are working together to explore alternative energy sources in line with the federal NETR policy towards renewable energy transition. This collaboration also aims to enhance Johor's economic growth through renewable energy, starting with the initial implementation phase focusing on hydrogen technology as an efficient renewable energy source.

This collaboration will not impose any operational costs (OPEX) or development costs (CAPEX) on the state government. Instead, it can be viewed as a business opportunity for government-related companies, particularly PDT and the state government in the field of green technology. This indirectly strengthens the state government's position as a leader in renewable energy adoption and creates a low-carbon, sustainable environment in alignment with the five key pillars of the Johor Green Deal.

ANALISIS KEBERHASILAN UTAMA

FORUM FORUM

How State and Local Government can Catalyse the Drive Towards Energy Transition?



Moderator:

YB Dato' Ir. Hasni bin Mohammad

Pengerusi
Chairman

Johor Sustainability Centre (JSC)

Panel:

Panelists :

YB Dato' Dr. Badrul Hisham Kassim

Ketua Eksekutif
Chief Executive

Pihak Berkuasa Wilayah
Pembangunan Iskandar (IRDA)
*Iskandar Regional Development
Authority (IRDA)*

Dr. Kusum Lata

Ketua Bahagian, Responsive Measures Unit,
Mitigation Division, UNFCCC Secretariat,
Bonn, Germany.
*Head of the Responsive Measures Unit,
Mitigation Division, UNFCCC Secretariat,
Bonn, Germany*

Ir. Roslee Esmam

Pengarah, Perancangan dan
Pembangunan Industri,
Suruhanjaya Tenaga Malaysia

*Director, Industry Planning and
Development,
Energy Commission of Malaysia*

Sesi forum ini membincangkan persediaan negeri ke arah peralihan tenaga selari dengan dasar National Energy Transition Roadmap (NETR) yang telah dilancarkan pada 27 Julai 2023. Selain itu, forum ini juga menyentuh usaha-usaha untuk menarik pelaburan tenaga boleh diperbaharui serta kesediaan negeri dan PBT khususnya untuk bergerak seiring dengan dasar NETR dalam mempercepatkan peralihan kepada tenaga boleh diperbaharui bagi memenuhi sasaran negara untuk mencapai pelepasan gas rumah hijau (GHG) bersih sifar menjelang tahun 2050.

